

Puisi

Aminah Mokhtar

Surat-Surat Ayah dari Urat Daun Cengal

Inilah pintu makrifat yang ayah warkahkan surat-surat, pintu majarobat, gerbang yang masuk ke dalam diri mencari hakikat, mengajar diri di landasan beradab beriktikad. Ada tempayan kaca mencuci derhaka di lapik tangga. Tujuh helai daun cengal masih segar urat-uratnya, urat-urat itulah ayah membentuk huruf-huruf tersiratnya.

Mata tangga itu aku selalu terjatuh, dari anak tangga pertama hingga ke tujuh. Mujur tangga dari cengal, mengenalkan aku turun naik dengan hati cekal, ayah benarkan aku berdiri di muka jendela abrar.

Azan kesedaran masuk dari jendela nubari dibawa bayu subuh, aku ingin berlari jauh, ada lantai yang belum kukuh, kepul-kepul azan membina sayapku untuk terbang dalam gelombang melabuh sauh ego.

Moyangku tinggalkan sekeping wasiat di hadapan pintu untuk aku susunkan lantai hari depan. Aku melihat apa yang mengikat lantai hati, oh, itulah urat-urat di daun cengal dari surat-surat ayah yang kukuh di tangga takhali, tahali dan tajali.

Mahu benar aku tahu tentang kata-kata ayah yang jadi angin, ya angin itulah kata-kata ayah dari halkum moyang yang berbaris di sukma menjadi murabbi.

Urat-urat di daun cengal melantai, mendinding, membumbung di tiang enam. Dan surat-surat ayah, mengepulkan awan di perjalanan masa depan.

Kajang Selangor 2021

Koruptor yang Menulis Sejarah dengan Tinta Ketakutan

Dia membeli semua buku sejarah permakalahan bangsa dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah dan di pengajian tinggi yang terserlah. Dia menjual tinta ketakutan itu jutaan ringgit. Sejarah itu akan dibakar sehingga tidak berdebu. Api dari pembakaran itu mahu ditulis sejarah baru.

Tinta ketakutannya tiada pembeli, lalu diapun meletakan harga paling murah, namun masih tiada pembeli. Lalu dibelinya pembeli ketakutannya dengan ringgit rayuan dan saham-saham perjanjian di hotel-hotel fitnah.

Dia berikrar mahu memadam nama-nama pejuang dengan lidah dan ludah. Dan kitapun mengumpul airmata menjadi pembasuh buku-buku sejarah. Dipadam semua catatan dengan pembersih agenda.

Mujurlah kita berjaya kumpulkan kudrat bangkit menyelamatkan berkapal-kapal cinta moyang. Hari ini kita pegang kemenangan. Hati-hati pembeli maruah itu masih di jalanan berkeliaran menabur wang hasutan.

Terus bangkit, bangkit terus para pertahan kebenaran, pembeli maruah itu bukan hanya pembunuh upahan. Lihatlah senjata kuasanya di sebalik baju kepura-puraan.

Kajang 2021

Kau yang Hilangkan Luk-Luk Kesetiaan di Keris Moyang

Kau menyusur sungai di perahu pinjaman moyang, papan sekeping tidak berlarik untuk percantuman potong-patong meranti dan cengal yang luka terasnya dibunuh koloni semut-semut yang berwarna bisa. Aku pinjamkan tanda saudara, bermudiklah kau, berkuala semangat.

Kau hanya melihat dari telaga yang digali Hang Tuah. Kita anak yang sudah ditumpahkan darah pada sekepal tapak yang gali moyang. Cengal meranti tembusu, karsani dan emas bersepuh, kau belum arif meluk-lukkan keris berlekuk, sudah mahu berselingkuh.

Inilah tapak kaki moyang yang berbekas, ke mana kau?

Di jurai rotan ini kau sudah kehabisan bekalan di balik papan. Kau tidak kelihatan tetapi angin hutan menampar muka, menggugurkan bau kenaga.

- kenangan itu ada dalam kopiah yang kau buang.
- barangkali di sinilah kau bertemu sesalan.

Menjeritlah, nanti kau tahu jalan pulang.

Kajang 2021

Biodata Penulis:

AMINAH MOKHTAR

Penulis kelahiran Muar, Johor pada 4 Oktober 1959. Mendapat pendidikan hingga ke peringkat STPM dan memperoleh Diploma Sains Kejururawatan. Pernah bertugas sebagai Jururawat Terlatih di Wad Bersalin, Pusat Perubatan Univerisiti Malaya. Penerima Anugerah SEA Write 2020 di samping pelbagai pengiktirafan kesusasteraan lainnya. Antara novel beliau adalah *Diari Seorang Jururawat* (1996), *Dominasi Tebrau* (2003) dan *Doa Insan Berkasih* (2009). Kumpulan cerpennya *Pelamin Embun* (2009), di samping kumpulan puisi, *Semoga Cepat Sembuh* (2004).